

29/10/2003

Tempoh IPO ke BSKL 13 hari

reports on "Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2003" by Nor Liza KERAJAAN mengumumkan tempoh tawaran awam permulaan (IPO) dengan tarikh penyenaaraian sesebuah syarikat dipendekkan kepada 13 hari pasaran berbanding 25 ketika ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata tempoh baru bagi cadangan IPO untuk penyenaaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) itu berkuat kuasa 1 Disember ini.

Beliau berkata, langkah memendekkan tempoh IPO ke BSKL itu dibuat selaras dengan usaha meningkatkan kecekapan rangka kerja pengagihan saham baru di negara ini.

Katanya, ia juga berikutan cadangan peserta pasaran termasuk bank saudagar dan rumah terbitan menerusi Kumpulan Kerja Industri yang dibentuk oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Kumpulan Kerja Industri itu ditubuhkan bagi menyemak semula rangka kerja pengagihan IPO di negara ini dengan matlamat mengenal pasti langkah terbaik untuk memperkemaskannya.

Tempoh IPO ke BSKL itu dikira berdasarkan kepada tarikh sesebuah syarikat menerbitkan prospektusnya dengan tarikh ia disenaraikan di bursa saham.

"Pengurangan tempoh bagi penyenaaraian IPO ini adalah cukup positif dan ia mampu mengelakkan masa menunggu yang lama kerana pasaran sentiasa bergerak ke arah lain.

"Ia juga cukup baik dalam meningkatkan kecekapan rangka kerja pengagihan IPO," katanya selepas berucap pada pembukaan Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2003 di Kuala Lumpur, semalam.

Sidang kemuncak itu ialah anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Commerce International Merchant Bankers (CIMB) di Hotel Nikko.

Hadir sama pada majlis itu ialah Presiden Asli, Mirzan Mahathir dan Ketua Eksekutif yang juga Pengarah Urusan CIMB, Datuk Mohamed Nazir Razak.

Jamaludin berkata, maklumat terperinci berhubung cadangan memendekkan tempoh tawaran IPO itu akan diumumkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) tidak lama lagi.

Beliau berkata, tempoh penyenaaraian IPO yang pendek turut diguna pakai beberapa bursa saham serantau termasuk Singapura dan Hong Kong yang membabitkan hanya 10 hari.

Jamaludin berkata, Malaysia yang mempunyai tiga juta pemegang akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) akan terus meningkatkan kecekapan pengagihan saham baru.

"Ia mengambil kira pelbagai faktor termasuk jumlah pemegang akaun CDS yang dianggap besar dan sistem pengagihan IPO yang kini hanya 20 peratus dilaksanakan menerusi elektronik.